

NAMA : _____

Tajuk : Unit 7a Malaysia di Persada Dunia**Standard Pembelajaran :**

- 12.1.1 Membincangkan peranan sukan sebagai alat perpaduan dan keharmonian kaum
 12.1.2 Menyatakan pencapaian Malaysia dalam bidang sukan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa
 K12.1.5 Menjelaskan kepentingan penglibatan pelbagai kaum mengharumkan nama negara dalam bidang sukan
 K12.1.7 Menyatakan kepentingan ciri-ciri kepimpinan dalam sukan


Arahan : Baca dan hafal fakta di bawah. Anda boleh juga merujuk nota di dalam buku teks sejarah tahun 6 mukasurat 145 hingga 153.

NOTA

7a MALAYSIA DI PERSADA DUNIA	
DASAR SUKAN MALAYSIA	
SEKOLAH SUKAN Tujuannya adalah untuk menempatkan murid yang berpotensi dalam pelbagai bidang sukan. Perpaduan yang terbentuk juga dapat mengukuhkan semangat atlet bagi mengharumkan nama negara di arena antarabangsa.	
RIMUP - Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) diperkenalkan sejak tahun 2005. - Melalui sukan, keharmonian kaum dapat diterapkan.	
1 MURID 1 SUKAN Dasar 1Murid 1Sukan (1M1S) yang bermula pada tahun 2011 juga menggalakkan murid terlibat dalam bidang sukan	
KEJOHANAN SUKAN - Kejohanan Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM) yang dianjurkan setiap tahun merupakan tempat atlet remaja 1M1S mengasah bakat mereka. - Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) diadakan untuk penyertaan wakil IPT. - Sukan Malaysia (SUKMA) diadakan melibatkan wakil-wakil atlet setiap negeri. - Sukan untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) juga diadakan iaitu Sukan Paralimpik	

7a MALAYSIA DI PERSADA DUNIA	
PERJALANAN SUKAN BOLASEPAK MALAYSIA	
Malaya Football Association telah ditukar nama kepada Persatuan Bolasepak Malaysia atau Football Association of Malaysia (FAM) pada tahun 1963.	
Usaha Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj mengadakan Pestabola Merdeka pada tahun 1957 telah menjadi pemangkin kepada pembangunan dan kecemerlangan bola sepak Malaysia	
Pasukan bola sepak Malaysia berjaya melayakkan diri ke Sukan Olimpik di Munich (1972) dan Moscow (1980).	
FAM menganjurkan liga kebangsaan menerusi Piala Malaysia bermula pada tahun 1967	
Pasukan Selangor merupakan pasukan paling berjaya dalam kejohanan Piala Malaysia sejak diperkenalkan pada tahun 1967	
Sukan bola sepak negara pernah melakar kejayaan pada peringkat antarabangsa dengan memenangi Piala Suzuki AFF pada tahun 2010.	

7a MALAYSIA DI PERSADA DUNIA	
PENGLIBATAN MALAYSIA DALAM ARENA SUKAN	
<u>SUKAN SEA</u> - Sukan SEA diperkenalkan pada tahun 1977. - Nama asal Sukan SEA ialah South East Asia Peninsular Games (SEAP). - Sukan ini disertai oleh 11 buah negara Asia Tenggara. - Pada tahun 1989, 2009 dan 2011, pasukan bola sepak negara telah menggondol "ibu emas" kejohanan. - Pada tahun 2001, Malaysia telah menjadi juara kejohanan dengan mengutip 111 pingat emas, 75 perak dan 85 gangsa	
<u>SUKAN ASIA</u> - Sukan Asia mula diperkenalkan pada tahun 1951 dan disertai oleh negara-negara Asia. - Dua orang atlet negara telah berjaya mengharumkan nama Malaysia, iaitu Tan Sri Dato' Dr. M. Jegathesan pada tahun 1966 dan Rabuan Pit pada tahun 1982. - Tahun 2010 merupakan tahun pencapaian terbaik Malaysia apabila memenangi sembilan pingat emas.	
<u>SUKAN KOMANWEL</u> - Sukan Komanwel mula diperkenalkan pada tahun 1930 dan disertai oleh negara bekas tanah jajahan British. - Pada tahun 1998, Malaysia menduduki tempat keempat keseluruhan kejohanan. - Pada tahun 2010, di New Delhi, negara kita telah berjaya mendapat pungutan pingat terbaik, iaitu 12 emas, 10 perak dan 13 gangsa. - Pada tahun 2014, di Glasgow, negara kita cemerlang menerusi sukan badminton, terjun papan anjal dan angkat berat	

7a MALAYSIA DI PERSADA DUNIA	
PENGLIBATAN MALAYSIA DALAM ARENA SUKAN	
<u>SUKAN OLIMPIK</u> • Sukan Olimpik mula diperkenalkan pada tahun 1896. • Kejayaan terbaik negara kita adalah menerusi olahraga, badminton dan bola sepak. • Pada tahun 1964 di Tokyo dan tahun 1968 di Mexico, Tan Sri Dato' Dr. M. Jegathesan layak ke peringkat akhir acara 200 m. • Beberapa pingat dimenangi di Sukan Olimpik: - Satu pingat gangsa di Barcelona, 1992. - Satu pingat perak dan satu pingat gangsa di Atlanta, 1996. - Satu pingat perak di Beijing, 2008. - Satu pingat perak dan satu pingat gangsa di London, 2012.	
<u>PIALA THOMAS</u> • Kejohanan Piala Thomas diperkenalkan pada tahun 1949 di Preston, England. • Malaysia menjuarai kejohanan pada tahun 1949, 1952, 1955, 1967 dan 1992	
<u>KEJOHANAN ALL ENGLAND</u> • Kejohanan Badminton Terbuka All England diperkenalkan pada tahun 1899. • Malaysia menjuarai acara beregu lelaki pada tahun 1949, 1951-1954, 1959, 1965-1966, 1971, 1982 dan 2007. • Malaysia menjuarai acara individu lelaki pada tahun 1950-1957, 1966, 2003, 2010, 2011 dan 2014.	
<u>HOKI PIALA DUNIA</u> • Kejohanan Hoki Piala Dunia diperkenalkan pada tahun 1971. • Malaysia telah berjaya melayakkan diri sebanyak tujuh kali. • Pada tahun 1975, Malaysia pernah menduduki tempat keempat dalam kejohanan ini.	

LEMBARAN KERJA SEJARAH TAHUN 6

NAMA : _____

Tajuk : Unit 7a Malaysia di Persada Dunia

SOALAN

Arahan : *Jawab soalan di bawah dengan bulatkan jawapan yang betul.*

1. Berikut merupakan antara dasar-dasar yang mempunyai kaitan sukan yang diperkenal di Malaysia KECUALI

- A. 1 Murid 1 Sukan
- B. RIMUP
- C. 1 Rumah 1 Sukan

2. Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) merupakan acara sukan yang dianjurkan dengan penyertaan atlet dari?

- A. Universiti dan pusat pengajian tinggi
- B. Negeri-negeri di Malaysia
- C. Setiap negara yang terlibat

3. Apakah sukan yang dianjurkan khusus untuk golongan orang kelainan upaya (OKU)

- A. Paragliding
- B. Paralimpik
- C. Paracut

4. Pada 1972 dan 1980 pasukan bola sepak Malaysia pernah berjaya melayakkan diri ke sukan _____.



- A. Paralimpik
- B. Piala Dunia Bolasepak Dunia
- C. Olimpik

5. Pasukan bolasepak yang manakah paling banyak memenangi kejohanan bolasepak Piala Malaysia semenjak 1967.

- A. JDT
- B. Selangor
- C. Felda FC

6. Berikut merupakan kejohanan sukan peringkat antarabangsa yang pernah disertai Malaysia KECUALI

- A. Sukan Komanwel
- B. Piala Dunia Bolasepak
- C. Sukan SEA

7. Kejohanan Piala Thomas merupakan kejohanan sukan jenis ?

- A. Petanque
- B. Bolasepak
- C. Badminton

8. Berapakah jumlah negara yang menyertai sukan SEA?

- A. 196 negara
- B. 11 negara
- C. 71 negara

SOALAN KBAT

Pada pendapat anda, mengapakah penyertaan atlet dari pelbagai kaum dan etnik diperlukan?
